

Headline	Dusun Dalam Bandar kedua di Kepong		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	27	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,399
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,198



Dusun Dalam Bandar kedua di Kepong

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Sebuah lagi taman awam berkonsep 'Dusun Dalam Bandar' akan diwujudkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kolam Takungan Banjir Batu di Kepong selepas taman pertama di Jalan Bellamy.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, lebih 3,500 pokok buah-buahan ditanam di kawasan berkeluasan 29 hektar itu.

Menurutnya, dijangka dusun itu mengambil masa lima tahun untuk dituai hasilnya dan dibuka kepada orang awam.

"Selain menyediakan taman awam dan kawasan hijau, kita mengambil inisiatif mewujudkan taman berkonsepkan dusun bagi memberi pengalaman berbeza kepada pengunjung

"Kita juga akan pastikan kawasan itu dijaga dengan baik oleh Jabatan Landskap dan Rekreasi DBKL serta kerjasama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Penajaan dan

Penanaman Pokok-Pokok Buah-Buahan Oleh Pemaju Swasta, Korporat dan Pemaju, di Kolam Takungan Banjir Batu, Kepong, di sini baru-baru ini.

Sebanyak 25 syarikat menajayakan program penanaman pokok dusun bandar kedua itu yang melibatkan kos sebanyak RM260,000, sebagai satu bentuk program tanggungjawab sosial korporat mereka.

Ahmad Phesal memberitahu, program itu mencatat sejarah apabila diiktiraf oleh *Malaysia Book Of Records* bagi penanaman lebih 3,500 batang pokok secara serentak yang melibatkan lebih daripada 500 peserta.

Katanya, pihak DBKL juga telah menanam lebih 130,000 pokok hutan atau pokok teduhan di kawasan bandar dalam usaha menghijaukan ibu kota.

"Di luar negara, mereka membuka dusun-dusun seperti ini untuk tempoh-tempoh tertentu membolehkan rakyat menikmati buah-buahan yang ditanam," katanya.



AHMAD PHE SAL TALIB